

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.11.2017**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada ECRL adalah "projek kereta api elektrik satu landasan yang dibina di atas formasi landasan berkembar" seperti yang ditulis di laporan EIA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bakal memulakan pembinaannya pada tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024 merupakan projek keretapi elektrik yang membabitkan pembinaan landasan tunggal di atas formasi atau susunan tapak landasan berkembar (*single track on double track formation*).

Keseluruhan landasan sepanjang 600.3km bagi Fasa 1 akan dibina menepati rekabentuk landasan berkembar yang akan disiapkan menjelang 2024. Projek ECRL yang akan dibina mengikut spesifikasi landasan berkembar, termasuk jambatan, terowong, *viaduct*, stesen dan kerja-kerja awam.